

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20/10/2008

● PM berhak
bidas Mahathir

Um - 20/10/2008
KOTA TINGGI 19 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhak membidas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad kerana ia adalah suatu perkara yang biasa bagi membetulkan keadaan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Abdullah berhak membalas komen atau kritikan yang dilontar kepadanya sebagaimana yang dilakukan oleh Perdana Menteri lain termasuk Dr. Mahathir sendiri.

Tegasnya, perkara yang sama juga berlaku semasa Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri apabila beliau turut bertindak balas ke atas pihak-pihak yang membidasnya.

"Masa Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri, orang lain bidas pada Dr. Mahathir, dia bidas balik.

"Ataupun Perdana Menteri luar negara bidas, dia hentam balik. Ini biasalah," katanya pada sidang akhbar di rumah terbuka beliau di kediamannya di Kampung Jawa di sini hari ini.

Syed Hamid berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar *Mingguan Malaysia* hari ini berhubung tindakan Abdullah membidas Dr. Mahathir pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu tadi.